

19 JULAI 2018

Pistol, enam butir peluru dirampas

Pistol, enam butir peluru dirampas

KUALALUMPUR - Sepucuk pistol bersama enam butir peluru antara yang dirampas dengan tertangkapnya sembilan individu termasuk sepasang suami isteri.

Serbuan kira-kira jam 1.30 petang, Isnin lalu di sebuah pangsa-puri di Taman Jinjang Baru itu dijalankan sepasukan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner R Munusamy, berkata, operasi yang diketuai Inspektor Muhd Khairi Abu Bakar itu bertindak bagi membanteras aktiviti pengedaran dadah jenis syabu.

Menurutnya, seramai sembilan individu warga tempatan membabitkan tujuh lelaki dan dua wanita berusia lingkungan 27

hingga 53 tahun telah dicekup.

"Pemeriksaan di rumah tersebut menjumpai dadah disyaki syabu seberat 5.37 gram berjumlah RM550, sepaket plastik lut sinar berisi pil ekstasi yang dianggarkan bernilai RM50.

"Turut dirampas adalah sepucuk pistol jenis revolver berwarna silver dan enam butir peluru," katanya dalam sidang media di IPD Sentul, di sini, semalam.

Beliau berkata, ujian air kencing terhadap kesemua suspek juga didapati positif dadah.

Katanya, pemeriksaan juga mendapati kesemua tangkapan ini masing-masing terdapat rekod kesalahan jenayah lampau bersabit kes dadah dan jenayah.

"Kesemua suspek kini direman bagi menyasat pembabit-an mereka dalam aktiviti pengedaran dadah dan jenayah lain," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api 1971, Seksyen 8(A) Akta Senjata Api 1960, Seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1951, Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



Munusamy (tengah) menunjukkan pistol jenis revolver yang dirampas.